

PENGGUNAAN SEBATANG PENSEL DALAM MEMBANTU MURID PEMULIHAN MENJARAKKAN RUANG ANTARA PERKATAAN

**Normasheeda Binti Salleh
pujangga2312@gmail.com**

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk melihat kesan penggunaan sebatang pensel dalam membantu murid menjarakkan ruang antara perkataan dalam tulisan mereka serta bagaimana pensel dapat menambah baik amalan sendiri saya sebagai seorang guru. Peserta kajian ini ialah Cinderella dan Snow White (nama samaran), murid pemulihan Tahun 3 Cemerlang di Sekolah Kebangsaan Alamanda. Penyelidikan berlangsung selama sembilan minggu sepanjang praktikum tiga. Kedua – dua peserta kajian mempunyai masalah jarak yang tidak konsisten. Data dikumpulkan melalui lembaran kerja, pemerhatian dan temubual. Data dianalisis dan hasil menunjukkan bahawa masalah yang dihadapi Snow White dan Cinderella dapat dikurangkan. Data disemak menggunakan analisis sumber melibatkan lembaran kerja dan rakan praktikum. Dapatan kajian menunjukkan, Cinderella dan Snow White mampu menjarakkan tulisan meskipun tidak lagi menggunakan pensel sebagai alat bantu semasa menulis. Untuk tindakan susulan saya berhasrat untuk memperkemarkan lagi tulisan mereka dengan menggunakan alat pemegang pensel khas

Kata kunci: Pencil, pemulihan, jarak tulisan tidak konsisten, kemahiran menulis, dan bahasa Melayu.

ABSTRACT

This action research was held in order to observe the effect of using a pencil in helping students to create space between their writings as well as how pencils can help to improve my self-practice as a teacher. The subject in this research are Cinderella and Snow White(not a real name), who are remedial students from Year 3 Cemerlang in SK Alamanda. This research was conducted during the third phase practicum. The problems faced by were inconsistency of giving space between their writings. The data was collected through worksheets, observations, and interviews. The data was analyzed and the result showed that the problem both Snow White and Cinderella had can be reduced. The data was checked using the source analysis, which involved the worksheets and practicum mates. The judge show that, Cinderella and Snow White were able to give space in their writings even though they do not use pencils as their helping tools. I would like to turth my research on using special pencil holder further to improve their writing.

Key Word: Pencil, Remedial, Inconsistent writing distance, Writing skills, Bahasa Melayu

PENGENALAN

Saya telah menjalani praktikum fasa tiga selama tiga bulan dan internship selama sebulan di Sekolah Kebangsaan Alamanda (nama samaran) yang terletak di daerah Padawan, Kuching. Saya telah ditugaskan untuk mengajar kelas pemulihan tahun 3 Cemerlang. Seramai lima orang murid dari kelas 3 cemerlang tersenarai sebagai murid pemulihan bagi tahun 2012 namun dua daripadanya mengalami masalah dalam tulisan. Kajian yang saya dilaksanakan pada kali ini adalah kajian tindakan yang melibatkan masalah murid dalam menulis. Masalah utama yang dihadapi oleh peserta kajian pula adalah masalah dalam menjarakkan tulisan. Peserta menulis pada jarak yang terlalu rapat dan terlalu jauh. Secara kesimpulannya, peserta kajian tidak mempunyai ruang antara perkataan semasa menulis.


Penyelidikan ini berlandaskan model yang diketengahkan oleh Lewin (1946). Beliau telah menghuraikan kajian penyelidikan sebagai proses lingkaran dalam beberapa tahap yang berkaitan. Setiap tahap mempunyai empat langkah yang utama berbentuk gelungan bermula dengan perancangan, tindakan, pemerhatian dan refleksi.

Graham & Harris (1989) dan Morrocco & Newman (1986) mendapati bahawa murid yang menghadapi masalah pembelajaran selalunya mendapat kebaikan apabila penekanan terhadap proses-proses menulis ditumpukan. Dengan penemuan isu ini, saya berpendapat saya perlu menekankan kepentingan aspek tulisan dalam setiap sesi pembelajaran saya tidak menganggap masalah tulisan sebagai satu masalah biasa bagi murid pemulihan khususnya. Yusop dan Walter (2010) dalam hasil dapatan kajian mereka menyatakan bahawa gabungan pegangan pensel dan tatacara yang betul banyak membantu peserta kajian mereka daripada membuat kesalahan dari segi abjad dan juga keseragaman dari segi saiz huruf yang ditulis. Yusop dan Walter (2010) menggunakan pensel untuk membantu peserta kajian mereka membuat ruang perkataan.


ISU KEPRIHATINAN / FOKUS KAJIAN

Penyelidikan ini dilaksanakan selama sembilan minggu. Selepas dua minggu mengajar Pemulihan Bahasa Melayu di kelas Tahun 3 Cemerlang, saya dapati bahawa murid dalam kelas ini mengalami masalah tulisan yang mempunyai saiz berlainan dan ruang antara huruf yang tidak setara sehingga adakala ruang antara suku kata terlalu ketara seolah-olah suku kata tersebut adalah dua perkataan yang berbeza. Pada pendapat saya, situasi ini mungkin berlaku disebabkan murid-murid tidak didedahkan secara teliti tentang teknik-teknik atau strategi penulisan yang betul sejak awal lagi. Menurut Levine (1987), cara memegang alat tulis akan mempengaruhi bentuk tulisan yang dihasilkan. Tulisan yang cantik dan mudah dibaca adalah satu asset yang boleh menyenangkan orang lain terutamanya guru. Selain itu tulisan yang cantik dan kemas menyebabkan maksud mesej yang ingin disampaikan akan lebih mudah difahami dan akan dibaca dengan jelas.

Berdasarkan pemerhatian saya dalam lima orang murid pemulihan ini, saya mengenalpasti Cinderella (bukan nama sebenar) yang memiliki tulisan yang bersaiz tidak menentu dan memiliki ruang antara huruf yang tidak konsisten seperti terlalu jauh antara dua sukukata. Selain itu, Snow White (bukan nama sebenar) yang mengalami masalah ruang tulisan yang terlalu rapat. Keadaan tulisan yang dimaksudkan boleh dilihat dalam Rajah 1 dan Rajah.2. Pada Rajah 1 tulisan Cinderella kelihatan memiliki jarak yang ketara sehingga dua sukakata menjadi seolah-olah dua perkataan. Pada rajah 2 pula, tulisan Snow White nyata sangat rapat sehingga menyukarkan untuk dibaca.



Rajah.1. Tulisan Cinderella pada 15 Februari 2012



Rajah 2. Tulisan Snow White pada 16 februari 2012

OBJEKTIF KAJIAN

1. Membantu Cinderella dan Snow White mewujudkan ruang antara perkataan semasa menulis supaya tulisan akan lebih mudah dibaca melalui strategi menjarakkan perkataan dengan menggunakan sebatang pensel.
2. Kajian ini adalah untuk menambah baik amalan sendiri saya melalui kaedah mengajar kemahiran menulis dengan menggunakan sebatang pensel.

PERSOALAN KAJIAN

Untuk kajian penyelidikan ini, antara persoalan yang ingin dijawab adalah :

1. Bagaimana sebatang pensel boleh membantu Snow White dan Cinderella menwujudkan ruang antara perkataan dalam menulis ayat bahasa Melayu dengan betul.
2. Bagaimanakah penggunaan sebatang pensel boleh menambah baik amalan sendiri saya dalam p&p yang berkaitan dengan kemahiran menulis bagi bahasa Melayu

Perancangan dan Pelaksanaan Tindakan

Berdasarkan prosedur penyelidikan yang telah saya pelajari, saya melaksanakan penyelidikan dengan mengikut prosedur yang ditetapkan dalam penyelidikan tindakan. Namun begitu, semasa menjalankan kajian, terdapat beberapa pindaan yang dibuat sesuai dengan tahap kecerdasan dan kesesuaian bahan yang digunakan kepada Snow White dan Cinderella (Sila rujuk Rajah 3).



Rajah 3. Peringkat pelaksanaan tindakan yang telah dijalankan

METODOLOGI

Peserta Kajian

Saya meletakkan diri saya sendiri sebagai peserta kajian kerana saya berperanan secara langsung melaksanakan kajian tindakan ini. Peserta kajian saya adalah dua orang murid pemulihan. Cinderella dan Snow White (bukan nama sebenar) yang juga merupakan murid pemulihan dari kelas tahun 3 Cemerlang. Kedua-duanya berbangsa Iban yang berasal dari luar Kuching, namun menetap di Padawan. Cinderella dan Snow White merupakan murid yang memiliki pencapaian akademik yang lemah. Semasa di kelas perdana kedua-duanya mempunyai masalah seperti kurang melibatkan diri dengan aktif semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.

Namun semasa di kelas pemulihan Cinderella dan Snow White sangat aktif dan menyertai semua aktiviti yang disediakan. Semasa di dalam kelas kedua – dua murid ini gemar berinteraksi dalam bahasa ibunda mereka. Dalam aspek tulisan, kedua-duanya mengalami masalah ruang antara perkataan yang tidak setara iaitu seorang terlalu rapat dan seorang lagi terlalu jauh. Meskipun demikian saya tetap berpendapat kedua-dua murid saya ini harus diberi penekanan khusus dalam aspek tulisan kerana saya percaya kemahiran dalam menulis itu sangat penting dalam kehidupan seharian. Bukan sahaja untuk menyampaikan mesej tertentu malah untuk kesenangan diri mereka pada masa depan.

Etika Penyelidikan

Semasa menjalankan penyelidikan, etika penyelidikan amat dititikberatkan. Saya terlebih dahulu menyerahkan surat permohonan menjalankan kajian yang disediakan oleh pihak institut kepada pihak sekolah. Selepas itu, saya memohon kebenaran daripada Snow White dan Cinderella untuk terlibat sebagai peserta dalam kajian ini. Disamping itu, saya juga memohon kebenaran bertulis daripada ibu bapa penjaga kepada peserta kajian saya. (Rujuk Rajah 4). Semasa memohon kebenaran daripada ibu bapa, pada mulanya ibu bapa kurang jelas, namun setelah saya perjelaskan tujuan kajian saya, maka mereka akhirnya membenarkan dengan senang hati.



Institut Pendidikan Guru, Kampus Batu Lintang

SURAT AKUAN PESERTA KAJIAN

Saya _____ bersetuju untuk menjadi peserta dalam kajian yang akan dijalankan oleh **Cik Normasheeda Binti Salleh**. Saya akan mengikuti segala aktiviti yang akan dijalankan oleh beliau tanpa sebarang keraguan. Saya juga percaya bahawa **Cik Normasheeda Binti Salleh** akan bertanggungjawab terhadap sebarang perkara yang terjadi sepanjang tempoh menjalankan kajian tindakan yang dilaksanakan oleh beliau.

Rajah 4 . Surat akuan penyertaan peserta kajian dan kebenaran ibu bapa penjaga

Cara-cara Mengumpul Data

Dalam proses pengumpulan data, saya menggunakan teknik pemerhatian berstruktur, temu bual dan analisis dokumen.

Pemerhatian Tidak Berstruktur

Pada minggu pertama pelaksanaan tindakan (30 Januari hingga 4 Februari 2012), saya membuat pemerhatian mengenai cara penulisan Cinderella dan Snow White. Pemerhatian yang dilakukan adalah untuk mengesan masalah sebenar Cinderella dan Snow White dalam penulisan huruf ini. Hasil daripada pemerhatian tersebut, Cinderella dan Snow White tidak mampu mengagarkan jarak antara perkataan. Berdasarkan pemerhatian juga, Cinderella dan Snow White tidak menganggap ruang perkataan itu satu perkara yang serius.

Pemerhatian saya adalah berfokus kepada sikap Cinderella dan Snow White juga sewaktu aktiviti pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Mereka selalu leka apabila disuruh menyalin semula teks, suka bercakap-cakap sambil menulis, kerap menggunakan getah pemadam kerana kerap melakukan kesilapan semasa menulis merupakan antara sikap yang ada pada diri Cinderella dan Snow White.

Selain mencatat masalah yang berlaku pada Cinderella dan Snow White dalam penulisan, saya turut mencatat tingkah laku dan penglibatan Cinderella dan Snow White dalam p&p saya. Selain nota lapangan, saya juga merujuk refleksi pengajaran yang saya lakukan. Melalui catatan refleksi ini, saya dapati tingkah laku Cinderella dan Snow White mempengaruhi masalah mereka dalam menulis.

Perbualan

Saya juga menggunakan perbualan dalam kajian ini. Menurut Majid (2000) kaedah temu bual boleh digunakan untuk memperoleh maklumat berkenaan fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak mengikut keperluan persoalan kajian. Tujuan saya melaksanakan temu bual adalah supaya saya dapat berinteraksi secara langsung dengan Snow White dan mengetahui masalahnya dalam penulisan dan untuk memahami maksud dan sebab tidak wujud ruang antara perkataan yang dilakukan. Selain temubual bersama peserta kajian, setelah beberapa kali penggunaan pensel semasa aktiviti menulis, saya turut menemubual guru pembimbing saya. Hasil temubual bersama saya mendapati, Snow White tidak mementingkan ruang perkataan. Hal ini kerana beliau memberitahu mengadakan ruang antara perkataan akan melambatkan dia untuk menulis. Berbeza dengan Cinderella yang lambat dalam menulis. Bagi Cinderella mewujudkan ruang antara perkataan akan menyebabkan tulisannya kelihatan lebih teruk. Maklumat itu adalah hasil daripada perbualan saya bersama mereka. Namun setelah tujuh kali menggunakan pensel sebagai alat untuk mewujudkan ruang ,, guru pembimbing saya mengakui bahawa alat yang saya gunakan itu sangat membantu Cinderella dan Snow White dalam mewujudkan ruang antara perkataan yang mereka tulis.

Cara-cara Menganalisis Data.

Analisis Kandungan Lembaran Kerja

Menyemak lembaran kerja yang saya bekalkan kepada Snow White dan Cinderella dapat menilai tahap perkembangan mereka dalam menguasai kemahiran yang diajar. Kesalahan jarak yang dialami oleh Cinderella dan Snow White dapat dilihat dalam latihan menulis semula. Semasa aktiviti menyalin semula, Cinderella dan Snow White menjarakkan perkataan sesuka hati. Melalui kaedah analisis kandungan lembaran kerja, semua hasil kerja Cinderella dan Snow White dianalisis untuk melihat jarak tulisan yang dilakukan. Setelah kali kelapan menggunakan pensel untuk mewujudkan ruang antara perkataan, Snow White dan Cinderella sudah boleh menulis tanpa menggunakan pensel sebagai alat bantu pada latihan seterusnya.

Analisis Kandungan Menggunakan Senarai Semak

Selain itu, saya juga menyediakan senarai semak yang membantu menunjukkan keselesaan Cinderella dan Snow White dalam menggunakan pensel sebagai alat untuk mewujudkan ruang antara perkataan semasa aktiviti menyalin semula berlangsung. (Rujuk Rajah 5 & 6).

Perkara	Ya	Tidak	Catatan
Penggunaan pensil menyukarkan murid	//		Cinderella : Susah lah Cikgu Snow White : Cikgu, saya tak biasa
Murid dapat menjarakkan tulisan dengan menggunakan sebatang pensil		//	Cinderella : nak buat garis lagi. Banyak kerja cikgu Snow White : saya garis cikgu kata salah
Peserta selesa dan seronok menggunakan sebatang pensel untuk menjarakkan perkataan.	//		Cinderella : Boleh lah cikgu Snow White : Best !
Penggunaan sebatang pensel dapat meningkatkan motivasi dan minat peserta untuk membuat latihan menulis.		//	Tiada respon

Rajah 5. Senarai semak setelah penggunaan pensel kali ketiga

Perkara	Ya	Tidak	Catatan
Penggunaan pensil menyukarkan murid		//	Cinderella : tidaklah Snow White : Ok ja. Tidak susah

Murid dapat menjarakkan tulisan dengan menggunakan sebatang pensil	//		Cinderella : dapat! Snow White : Dapat Cikgu, tulisan saya pun dah cantik
Peserta selesa dan seronok menggunakan sebatang pensil untuk menjarakkan perkataan.	//		Cinderella : Best! Kawan – kawan pun jelous cikgu Snow White : Kan dah cakap hari tu, best lah cikgu
Penggunaan sebatang pensil dapat meningkatkan motivasi dan minat peserta untuk membuat latihan menulis.	//		Cinderella : Ya Cikgu, kadang – kadang Cikgu Nor suka suruh saya buat dekat papan tulis Snow White : Cikgu, tulisan saya lebih cantik dari Aminah

Rajah 6. Senarai semak setelah penggunaan pensel kali ketujuh

Cara Menyemak Data

Tempoh praktikum yang agak panjang iaitu dari 30 Januari hingga 28 April 2012 membolehkan saya mengumpul banyak data berkenaan masalah tulisan yang dihadapi oleh Snow White dan Cinderella. Saya menyemak data dengan menggunakan analisis kaedah dan analisis sumber. Data yang dikumpul juga disemak oleh rakan praktikum selain saya sendiri. Semakan yang dibuat oleh rakan amat penting agar saya dapat melihat dan membuat perbandingan antara semakan yang saya lakukan dengan semakan yang dilakukan oleh rakan penyelidik. Data disemak bukan berdasarkan satu bahan bukti sahaja. Dalam kajian ini saya menyemak data berasaskan pemerhatian yang telah saya catatkan dalam nota lapangan, lembaran kerja murid saya dan temuabual bersama mereka.

Persoalan Kajian

Secara umumnya penyelidikan tindakan saya akan menjawab soalan kajian yang telah ditetapkan seperti berikut:

1. Bagaimana sebatang pensil membantu Snow White dan Cinderella mewujudkan ruang dalam setiap perkataan semasa menulis ayat dalam matapelajaran bahasa Melayu.
2. Bagaimanakah sebatang pensil menambah baik amalan sendiri saya dalam p&p yang berkaitan dengan kemahiran menulis bagi bahasa Melayu Pemulihan.

Bagaimana penggunaan sebatang pensil membantu Snow White dan Cinderella mewujudkan ruang perkataan dalam menulis ayat bahasa Melayu.

Saya mengambil keputusan untuk melaksanakan kajian ini setelah melihat tulisan dua anak murid saya yang tidak kemas dan kurang cantik. Daripada tinjauan awal, saya dapati, anak murid saya tidak mementingkan jarak tulisan mereka sehingga jarak tulisan mereka antara sukukata juga mengalami masalah iaitu terlalu jarak dan terlalu rapat. Tidak diakui meskipun jarak tulisan mereka sedemikian, ada

perkataan yang masih mampu saya baca dan fahami namun tidak dinafikan juga ada antara perkataan yang mereka tulis menyukarkan saya untuk membacanya.


Tulisan Snow White mempunyai ruang antara perkataan yang terlalu rapat, manakala Cinderella menulis perkataan yang jaraknya membolehkan perkataan dua sukukata menjadi dua perkataan. Bagi tujuan kelancaran pelaksanaan kajian, saya memastikan kedua-dua peserta kajian saya mengikuti langkah-langkah yang telah saya rangkakan. Saya telah menyemak lembaran kerja murid. Hasil semakan itu, saya mendapati Cinderella mengalami masalah tulisan antara perkataan yang terlalu rapat. Berbeza dengan masalah yang dihadapi oleh Snow White yang mengalami masalah tulisan yang terlalu rapat.

Menurut Sasson (1990), pendekatan pengajaran yang sistematik diperlukan untuk mengajar kemahiran menulis. Hal ini kerana pendekatan tersebut memudahkan pengajaran dan pembelajaran. Dalam kajian saya, saya telah meluangkan sedikit masa untuk membimbing Cinderella dan Snow White semasa mereka menyiapkan lembaran kerja mereka. Saya sentiasa mengingatkan mereka untuk selalu menggunakan pensel bagi tujuan menjarakkan tulisan mereka. Memang pada mulanya mereka berasa agak janggal, namun setelah minggu ke sembilan, sesi p&p saya dapat melihat keselesaan mereka dalam menggunakan pensel.




Rajah 7. Saya membimbing Snow White menggunakan pensel untuk menjarakkan tulisan.

Setelah kajian ini berlangsung hampir sembilan minggu akhirnya peningkatan dalam mewujudkan ruang perkataan semain membuahkan hasil. Kedua – dua peserta kajian saya mampu menyesuaikan diri dengan menggunakan pensel sebagai alat untuk mereka menjarakkan perkataan semasa menulis.



Rajah 8 : dapatan awal dan dapatan akhir tulisan snow white



Rajah 9 : Dapatan awal dan dapatan akhir tulisan Cinderella

Bagaimanakah penggunaan sebatang pensel menambah baik amalan sendiri saya dalam p&p yang berkaitan dengan kemahiran menulis bagi Bahasa Melayu Pemulihan.

Berdasarkan hasil dapatan kajian ini, saya mendapati saya lebih prihatin dalam masalah yang dihadapi oleh anak murid saya khasnya dalam kemahiran menulis. Masalah ini nampak lebih mudah dikawal apabila kajian yang saya laksanakan ini hanya melibatkan murid-murid pemulihan dimana saya boleh menumpukan perhatian saya sepenuhnya kepada mereka semasa sesi P&P berlangsung.

Sassoon (1993) mendapati guru kurang memberikan penekanan kepada tulisan murid- murid semasa berada di dalam kelas khususnya cara memegang alat tulis dengan betul, menulis huruf dengan pergerakan yang betul, menentukan saiz huruf dan menentukan ruang antara huruf dan perkataan. Untuk itu, sepanjang kelas saya berlangsung, saya telah bertindak untuk membantu anak murid saya dalam menentukan jarak huruf mereka . Sebagai seorang guru antara peranan yang digalas adalah menjadi "role model" kepada anak didik saya. Semasa di dalam kelas, saya menunjukkan cara memegang pensel dengan betul. Disamping itu postur badan ketika menulis juga harus betul untuk menghasilkan tulisan yang kemas dan mudah dibaca.

Memandangkan jumlah pelajar dalam kelas saya tidak ramai, jadi pendekatan individu untuk saya laksanakan. Saya membimbing kedua – dua peserta kajian

saya semasa mereka berada dalam kelas saya. Dalam kajian ini, saya menggunakan pensel sebagai alat utama dalam membantu mereka menjarakkan tulisan supaya tulisan mereka kelihatan lebih kemas dan mudah dibaca.

Refleksi Dapatan

Penyelidikan tindakan (PT) merupakan satu ilmu baru yang saya pelajari selama dua semester semasa tahun akhir di IPG. Penulisan hasil dapatan juga bukan sepertimana menulis laporan biasa. Sepanjang penghasilan laporan ini, saya dapat mengenalpasti kelemahan yang saya hadapi iaitu ketika cara penulisan ilmiah. Selaku individu yang baru berjinak – jinak dengan dunia penyelidikan, saya tidak menyangkal bahawa banyak perkara berkaitan penulisan menggunakan format APA perlu saya pertingkatkan. Setelah beberapa kali mendapat tunjuk ajar daripada pensyarah dan rakan – rakan, akhirnya saya mendapati penulisan ini bukan sesuatu yang sukar namun saya perlu teliti dengan setiap yang saya tulis.

Setelah melaksanakan satu penyelidikan tindakan ke atas murid saya, saya berpendapat bahawa amalan penyelidikan ini adalah satu amalan yang baik untuk dipraktikkan bukan sahaja bagi guru- guru baharu malah guru lama supaya dengan penyelidikan tindakan ini guru akan mampu membantu murid menangani masalah yang dihadapi dalam pembelajaran mereka. Secara peribadi walaupun tindakan yang dijalankan terhadap Snow White dan Cinderella memberi kesan baik dalam amalan menulis mereka, namun setelah membuat beberapa pembacaan dan carian maklumat, saya mendapati masih banyak cara untuk membantu mereka yang mempunyai masalah yang sama pada masa akan datang. Antaranya bimbingan individu. Meskipun nampak agak biasa, namun bimbingan itu merupakan satu permulaan yang berkesan dalam amalan harian mereka.

Refleksi berkaitan penyelidikan tindakan

Pada semester tujuh, perkara yang paling mencabar adalah apabila menyiapkan kertas cadangan. Sebelum ini saya pernah menghasilkan kertas cadangan. Namun apa yang dapat saya katakana apa yang pernah saya buat sebelum ini adalah sama sekali berlainan dengan apa yang dikehendaki dalam kertas cadangan. Istilah – istilah baru yang diketengahkan kadangkala membuatkan saya pening disamping cara penulisan yang sangat kritikal dan terperinci. Setiap kata – kata yang dipetik harus disokong dengan rujukan. Namun semua itu tidak mematahkan semangat saya untuk terus menyiapkan tugas ini. Hasilnya, saya telah berjaya menyiapkan laporan secara keseluruhan. Meskipun tidak sebaik kajian yang dilaksanakan orang lain, namun sekurang – kurangnya saya sangat berpuas hati dengan usaha yang telah saya laksanakan dan hasilkan. Selain mempelajari perkara baru dalam bidang penyelidikan, saya juga berjaya menambahbaik amalan sendiri dalam pengajaran saya.

Pada mulanya, saya tidak merancang untuk melaksanakan kajian tindakan yang melibatkan kemahiran menulis. Hal ini kerana semasa menjalani praktikum pertama

dan kedua murid saya tidak menghadapi masalah menulis dalam kalangan murid saya. Saya ingin menjalankan kajian berkenaan keberkesanan kaedah nyanyian sukukata dalam membantu murid saya mengeja. Namun sebaik sampai di sekolah di mana saya ditempatkan semasa praktikum tiga, murid saya tidak mengalami masalah dalam mengeja. Hampir semua murid saya boleh mengeja dengan baik. Namun masalah yang paling ketara mereka hadapi adalah dalam aspek kemahiran tulisan. Menyedari betapa pentingnya tulisan dalam kehidupan seharian saya akhirnya mengambil keputusan untuk melakukan penyelidikan tindakan ke atas murid yang mengalami masalah dalam penulisan.

Tempoh masa yang telah diberikan selama tiga bulan bukan satu tempoh yang saya rasakan cukup untuk menjalankan kajian tindakan saya. Sebagai seorang guru pelatih, saya tidak hanya terikat pada pelaksanaan kajian ini semata-mata. Saya juga perlu menyediakan rancangan mengajar dan menjalankan tugas-tugas rasmi dan tidak rasmi semasa berada di sekolah.

Tinjauan literatur adalah perkara yang benar-benar mencabar sepanjang saya menyiapkan laporan penyelidikan ini. Kajian yang sama juga tidak banyak dilaksanakan oleh orang lain. Saya memiliki pengalaman menyiapkan tinjauan literature empat muka surat dalam masa tujuh jam, berbanding sebelum ini saya mungkin boleh menulis dengan lancar dan lebih banyak dalam masa yang sama. Semasa menyiapkan tinjauan ini saya mendapati bahawa penguasaan dalam bahasa inggeris itu sangat penting. Hal ini kerana banyak maklumat berkaitan boleh diperolehi dalam bahasa inggeris dan sekiranya kebolehan dalam mentafsir maklumat bahasa inggeris itu kurang, maka salah faham mungkin boleh berlaku.

Melalui kajian tindakan ini juga saya menyedari bahawa tanggungjawab guru amat besar dalam membentuk sahsiah dan pembelajaran murid. Umum mengetahui bahawa kemahiran menulis itu sangat penting dan perlu dikuasai oleh murid-murid. Selain memiliki tulisan yang kemas dan cantik, mesej yang mereka ingin sampaikan akan mudah dibaca dan difahami khasnya oleh guru – guru. Namun demikian, saya tetap berpendapat seharusnya murid saya menerima bimbingan lebih awal untuk memudahkan tumpuan dalam sesi pembelajaran.

Refleksi berkaitan amalan profesional

Setelah menjalankan kajian di sekolah Alamanda, saya berpendapat bahawa tajuk yang saya telah pilih iaitu berkaitan dengan tulisan murid disekolah amat bersesuaian kerana kemahiran menulis merupakan kemahiran yang sangat penting bagi seseorang murid. Dalam kajian yang telah saya laksanakan saya berusaha untuk meningkatkan kekemasan tulisan anak murid saya dengan menentukan jarak antara perkataan dengan menggunakan sebatang pensel. Kedua – dua peserta kajian saya adalah murid tahun 3 disekolah berkenaan dan juga merupakan murid pemulihan yang saya ajar sepanjang praktikum 3 dan internship.

Cadangan penambahbaikan

Sesungguhnya, semua aktiviti yang telah saya jalankan banyak membantu peserta kajian saya iaitu Cinderella dan Snow White. Saya bercadang untuk meneruskan kaedah ini di samping berkongsi idea bersama guru di kelas perdana. Sekiranya melibatkan Cinderella dan Snow White, saya akan menggunakan satu alat untuk memegang pensel supaya tulisan mereka bukan sahaja mempunyai jarak yang betul, malah akan lebih kemas.

Selain itu, banyak penambahbaikan boleh dilaksanakan pada masa akan datang. Antaranya dari segi kekerapan melaksanakan tindakan. Saya boleh menggunakan waktu senggang murid untuk melaksanakan tindakan. Selain itu, saya harus mempelbagaikan cara menyediakan lembaran kerja dan aktiviti-aktiviti sepanjang pengajaran saya.

Rujukan

- Graham, S. & Harris, K.R. (1989). Improving learning disabled students' skills at composing essays: Self instructional strategy training. *Exceptional Children*, 56, 201-214.
- Kamaruddin bin Hj. Husin. (1994) . *Pedagogi Bahasa* (Edisi Ke-7). Selangor Darul Ehsan: Longman Malaysia.
- Levine, M. D. (1987). *Developmental variation and learning disorders*. Cambridge, Massachusetts: Educators Publishing.
- Sassoon, R. (1990). *Handwriting: The way to teach it*. Cheltenham: Stanley Thornes
- Yusof & Walter (2010), *Disgrafia dan cara membantu: Kajian kes ke atas murid Program Integrasi Pendidikan Khas* : Jurnal Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2010, 4, ms 1-22.